

# Inovasi tingkat hasil padi 10 tan sehektar

BERITA HARIAN 29/10/2017 p.16



**Idris melihat pengeluaran padi jenis baharu** Variety PadiU Putra ketika melawat tapak penyelidikan PadiU Putra di Kampung Lubuk Kawah, Jertih, semalam.

**Jertih:** Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meningkatkan hasil padi kepada 10 tan sehektar menerusi beberapa inovasi di jelang padi di Terengganu.

Penyelidikan yang dijalankan di Kawasan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADP KETARA) sejak Februari lalu itu, akan diperluaskan ke jelang padi utama negara.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata kejayaan itu mendorong kementerianya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi meningkatkan hasil padi negara.

Katanya, seramai 300 petani di IADP KETARA terbabit dalam pembangunan padi baharu dan penghasilannya kini mampu mencapai 10 tan sehektar berbanding tujuh tan sehektar sebelum ini.

Idris berkata, penyelidik daripada UPM memilih empat kampung di daerah Besut, iaitu Kampung Lubuk Kawah, Padang Baloh, Padang Bual

dan Ladang Unit Biosekuriti Jabatan Pertanian Besut.

“Kejayaan memperkenalkan varieti padi baharu itu selain meningkatkan hasil padi, ia juga menambah sumber pendapatan petani,” katanya ketika melawat tapak penyelidikan PadiU Putra di Kampung Lubuk Kawah, di sini semalam.

## UPM perkenal inovasi

Penyelidik UPM memperkenalkan inovasi seperti teknologi baja semburan, biobaja, humik asid teraktif, teknologi kawalan perosak tikus, ramalan serangga bena perang, pembangunan varieti padi baharu dan teknologi pertanian persis.

Katanya, inovasi itu juga mampu mengurangkan serangan penyakit karah, terutama pada waktu puncak antara Oktober hingga Disember.

Idris berkata, UPM akan meningkatkan penyelidikan berkenaan dan berhasrat menjadi pembekal benih padi baharu kepada pesawah.